

U B734 DEB
PEMADAM

KUALA LUMPUR, 11 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENYERU SEMUA PIHAK SUPAYA MEMBERIKAN KERJASAMA SEPENUHNYA KEPADA PERSATUAN MENCEGAH DADAH MALAYSIA (PEMADAM) DALAM USAHA MEMERANGI DADAH.

+SEMUA PIHAK PERLU BEKERJASAMA DAN BERSAMA-SAMA MEMIKUL TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB MENYEKAT GEJALA WABAK DADAH INI DARIPADA TERUS MENULAR DAN BERLELUASA DI NEGARA INI,+ KATANYA DALAM PERUTUSAN BUKU CENDERAMATA SEMPENA PERHIMPUNAN AGUNG KE-11 PEMADAM YANG BERLANGSUNG DI ALOR SETAR ESOK.

PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN, GEMBIRA KERANA PEMADAM TELAH MENUNJUKKAN KESUNGGUHANNYA DALAM MENJAYAKAN KEGIATAN MEMBANTERAS DAN MENCEGAH WABAK DADAH.

+ USAHA SEPERTI INI DIHARAPKAN AKAN DAPAT DITERUSKAN LAGI BAGI MENYEKAT GEJALA INI, + TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR YAKIN SEGALA USAHA PEMADAM AKAN LEBIH BERJAYA DENGAN ADANYA SOKONGAN ORANG RAMAI DAN SEMUA PIHAK. -- LAGI. 1259MST 11 07 86

U B735 DEB

PEMADAM 2 KUALA LUMPUR

DALAM PERUTUSANNYA, PRESIDEN PEMADAM KEBANGSAAN DATUK RAIS YATIM, YANG JUGA MENTERI PENERANGAN BERKATA MASYARAKAT TELAH MENUNJUKKAN SIKAP POSITIF TERHADAP USAHA YANG DIJALANKAN OLEH PERSATUAN.

USAHA ITU YANG DIJALANKAN MENERUSI KERJASAMA MEDIA MASSA BERTUJUAN MENANAMKAN PERASAAN JIJIK DAN BENCI KEPADA DADAH KHUSUSNYA DI KALANGAN BELIA, KATANYA.

MENTERI BESAR KEDAH DATUK PADUKA HAJI OSMAN AROFF, PULA DALAM PERUTUSANNYA, BERKATA MASALAH PENYALAHGUNAAN DADAH DI NEGARA INI MASIH BELUM DAPAT DIBENDUNG.

MENURUT PERANGKAIAN DARI TAHUN 1970 HINGGA 1985, BILANGAN MEREKA YANG TERBABIT MENINGKAT LEBIH 110,000 ORANG, KEBANYAKANNYA ANAK-ANAK MUDA.

+ OLEH KERANA MEMANDANGKAN KEADAAN YANG SERIUS INI, SAYA RASA SUDAH WAJARNYALAH SEMUA PIHAK MEMBANTU KERAJAAN MEMBASMIKAN DADAH,+ KATANYA.

PERHIMPUNAN AGUNG SEHARI ITU, YANG AKAN DIRASMIKAN OLEH DATUK PADUKA HAJI OSMAN AROFF, AKAN MEMBAHASKAN BEBERAPA USUL TERMASUK MENGISYTIHARKAN 26 JUN SETIAP TAHUN SEBAGAI +HARI KEMPEN ANTI-DADAH+. -- BERNAMA.

1301MST 11 07 86